

Saintis NTU terima geran AS\$2j buat penyelidikan ubat virus yang menyebabkan wabak

PASUKAN saintis di Universiti Teknologi Nanyang (NTU) telah memenangi geran AS\$2 juta (\$2.8 juta) untuk menjalankan penyelidikan pra-klinikal mengenai ubat-ubatan virus berpotensi menyebabkan wabak.

Geran kompetitif, yang di-anugerahkan oleh Institut Alergi dan Penyakit Berjangkit Kebangsaan (Niaid) untuk Covid-19 dan penyelidikan berkaitan, bernilai kira-kira AS\$577 juta. Keseluruhan kewangan telah diagihkan kepada sembilan pasukan, terutama dari penyelidik Amerika Syarikat.

Niaid, yang diketuai Dr Anthony Fauci, adalah sebahagian daripada Institut Kesihatan Nasional (NIH) di AS.

Pasukan Singapura adalah satu daripada sembilan pasukan itu dan akan menumpukan pada pembangunan ubat untuk virus seperti virus Sars-CoV-2, denggi dan Zika, kata NTU dalam satu kenyataan pada 26 Julai.

“Ideanya adalah pada penghujung lima tahun, kami akan mempunyai beberapa sebatian yang menggalakkan. Kami kemudian akan bekerjasama dengan syarikat farmaseutikal untuk membawanya ke ujian klinikal,” kata Profesor Luo Dahai, Profesor Madya jangkitan dan imuniti di Sekolah Perubatan Lee Kong Chian NTU (LKCMedicine).

Profesor Luo juga pengerusi provos dalam bidang perubatan dan pakar dalam virologi struktur, akan mengetuai pasukan tujuh hingga 10 penyelidik. Pemberian geran itu akan berlangsung selama lima tahun.



BANGUNKAN UBAT UNTUK VIRUS: Profesor Luo Dahai dan pasukannya akan menumpukan pada pembangunan ubat untuk virus seperti virus Sars-CoV-2, denggi dan Zika. – Foto ZAOBAO

Covid-19 telah menunjukkan bahawa sebarang wabak boleh memudaratkan, tambahnya.

“Dengan skala pembiayaan NIH dan kepakaran yang meliputi semua langkah penting dalam proses penemuan ubat antivirus, saya percaya penyertaan NTU LKCMedicine dalam usaha penyelidikan kolaboratif global ini untuk membangunkan ubat antiviral menyoasarkan patogen yang membimbangkan pandemik akan memberi manusia peluang yang baik untuk lebih bersedia menghadapi pandemik masa depan,” ujar Naib dekan (penyelidikan) NTU LKCMedicine Encik Lim Kah Leone.

Penyelidikan yang akan dijalankan oleh pasukan NTU adalah sebahagian daripada usaha di Pusat Penemuan Ubat Antiviral Midwest (AViDD) untuk Patogen Kebimbangan Pandemi, yang berpangkalan di Universiti Minnesota, untuk membangunkan ubat antivirus dengan geran oleh Niaid.

Pusat AViDD Midwest ialah salah satu daripada sembilan pusat nasional yang baru ditubuhkan oleh Niaid bagi menjalankan penyelidikan pelbagai disiplin yang inovatif untuk membangunkan antivirus Covid-19, terutama yang boleh diambil oleh pesakit luar, serta antivirus yang menyoasarkan keluarga virus tertentu dengan tinggi.